

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JUL 301 – BAHASA MALAYSIA III

Masa : 1 jam

| | Markah yang diperoleh |
|---|-----------------------|
| Soalan Bahagian A: Karangan (60 markah) | _____ |
| Soalan Bahagian B: Tatabahasa (40 markah) | _____ |
| Soalan 1 | _____ |
| Soalan 2 | _____ |
| Soalan 3 | _____ |
| Soalan 4 | _____ |
| JUMLAH : | _____ |
| GRES : | _____ |

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Tuliskan jawapan anda pada ruangan yang disediakan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Soalan Bahagian A (Karangan) diperuntukkan 60 markah dan Bahagian B (Tatabahasa) 40 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A: KARANGAN [60 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 300-350 patah perkataan tentang **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan di dalam buku soalan ini.

PERINGATAN: Markah anda akan dipotong sekiranya terdapat kesalahan ejaan, penggunaan kata, imbuhan, struktur frasa dan ayat, lebih atau kurang daripada 300-350 patah perkataan dan tulisan sukar dibaca.

1. Amalan gotong-royong membersihkan persekitaran taman perumahan bersama-sama ahli masyarakat setempat bukan sahaja boleh mewujudkan suasana yang ceria tetapi juga dapat merapatkan hubungan kejiiran.

Bincangkan.

2. Kenaikan harga minyak boleh menjejaskan ekonomi dan pembangunan negara-negara sedang membangun.

Berikan pendapat anda.

3. Selaku Pengerusi Persatuan Penduduk, anda dijemput memberikan syarahan bertajuk "Budi Bahasa Budaya Kita" kepada ahli Kelab Remaja Sekolah.

Sediakan teks syarahan tersebut.

4. Anak anda telah menamatkan pengajian dalam bidang kedoktoran di seberang laut dengan tajaan kerajaan. Berdasarkan surat terakhir yang anda terima, anak anda telah membuat keputusan untuk bekerja di luar negara. Anda tidak bersetuju dengan keputusan anak anda itu.

Tulis sepucuk surat kepada anak anda dan nyatakan sebab-sebab anda tidak bersetuju.

5. "Sediakan payung sebelum hujan". Huraikan.

**BAHAGIAN B: Pengetahuan dan kefahaman tentang tatabahasa bahasa Melayu
[40 markah]**

Jawab SEMUA soalan.

SOALAN 1

Tulis satu ayat bagi tiap-tiap kata di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, serta menggunakan perkataan sebagai peribahasa atau nama khas.

(i) kupas

(ii) kupasan

(iii) pengupas

(iv) mengelupas

(v) pengupasan

(15 markah)

...7/-

SOALAN 2

Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- (i) Nazrin kebingungan apabila berada di tengah-tengah bandar raya itu kerana tidak pernah menjejakkan kaki di situ.

- (ii) Amirudin cuba menduga kehebatan Fadli dalam bidang Sains dan Matematik sedangkan dia tahu akan kebijaksanaan Fadli.

- (iii) Dalam usaha untuk mencapai kemajuan dan kejayaan negara, nilai kerjasama dalam kalangan rakyat amat diperlukan.

(6 markah)

SOALAN 3

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau ejaan atau istilah atau kesalahan bahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan makusd asalnya.

- (i) Kehidupan akuatik semakin terancam akibat perbuatan manusia yang tidak bertanggung jawab menjaga alam ini.

- (ii) Ejen syarikat itu akan datang ke rumahnya pada petang itu untuk pengutipan wang ansuran skim insuran tersebut.

- (iii) Anak ayam di dalam reban lari berhamburan apabila musang memasuki reban tersebut.

- (iv) Selain pencapaian akademik, pelajar juga perlu cerdas dalam kegiatan kokurikulum seperti sukan atau lain-lain aktiviti.

(8 markah)

SOALAN 4

Baca sajak di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan berikutnya dengan menggunakan perkataan sendiri.

KEINDAHAN YANG HILANG

Sayup-sayup undan tua berlagu hiba
terbang beriring di rembang petang
renik-renik mengirai bulu carik
melayang satu-satu berbaur debu.

*Daun-daun menghijau alangkah segar
kemilau danau disinar mentari kali tenang
betapa lembut mengalir ke muara kedamaian
melingkar rimba lalu tumpah kasih nan jernih
era bertaut cinta kasih'*

Malam hiba dadanya ungu luka
pungguk tersedu pilu di atas batu
bulan tiada lagi mendandan wajah
bintang malam pudar sinarnya'

Orang bicara bulan bintang di makmal pada
buku, data dan komputer lalu bulan dan
cakerawala bisa diteroka bisa kembara di
planet dan angkasa

Undan patah sayap gugur bulunya bertaburan suara siapa parau mendera
di malam lara kali tenang tiba-tiba airnya bengis melanda kepada siapa
anak-anak kota desa berhutang nyawa?

Bulan kini bukan lagi menara kasih jernih
Bintang-bintang bukan lagi saksi sumpah kekasih'

Antologi Kerusi, DBP, 2000

- (i) Bagaimanakah keadaan undan tua yang digambarkan dalam sajak Keindahan Yang Hilang?

(5 markah)

- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang menyebabkan penyajak menyatakan 'Daun-daun menghijau alangkah segar'?

(6 markah)
